

**KAJIAN TERHADAP REPOTOIRE  
ENSEMBEL REBANA KERCIING DI KAMPUNG LAUT, KELANTAN**

**FITRAH BINTI JAMALUDIN**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**2022**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP REPOTOIRE  
ENSEMBEL REBANA KERCING DI KAMPUNG LAUT, KELANTAN**

**FITRAH BINTI JAMALUDIN**

Projek Penyelidikan ini disediakan untuk memenuhi syarat kelayakan bagi Ijazah Sarjana

Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022


## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



**TERBUKA**


Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).



**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia Utama

991120016606

Prof. Madya Khairil Anwar Dean Bin Kamarudin

Tarikh: 22 Februari 2022

Tarikh: 22 Februari 2022

Nota \* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan yang menguasai seluruh alam ini. Saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya serta pertolongan-Nya kerja kursus pengajian am ini berjaya disiapkan dengan cemerlangnya dalam masa yang ditetapkan.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada kedua ibu bapa yang saya cintai kerana banyak membantu saya sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan ini. Dorongan dan juga sumbangan daripada mereka dalam pelbagai bentuk seperti dari segi pendapat, kewangan dan lain-lain amatlah dihargai, Tidak lupa juga kepada keluarga saya yang banyak membantu saya dari awal projek penyelidikan ini dijalankan.

Tiada kata dan madah yang dapat menggambarkan rasa terhutang budi kepada pensyarah projek penyelidikan kerana banyak memberi tunjuk ajar sepanjang kerja kursus ini dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan atas bantuan yang diberikan kepada Prof Madya Khairil Anwar Dean.

Dalam usaha menyiapkan Projek Penyelidikan (PP), pelbagai kajian telah dibuat di kawasan pilihan iaitu di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan universiti yang lain dalam Universiti Malaysia Kelantan. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, penggiat seni dan penduduk Kampung Laut dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan.

## ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk melihat sejarah mengenai persembahan Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Kajian yang dijalankan ini hanya memfokuskan kepada masyarakat di Kampung Laut di Kelantan sahaja. Selain itu, kajian ini adalah untuk menghurai mengenai elemen yang ada dalam persembahan rebana kercing. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang terdiri daripada data primer yang menggunakan kaedah borang soal selidik, temubual juga pemerhatian selain disokong daripada data sekunder daripada pembacaan buku di perpustakaan, jurnal, artikel juga internet. Estetika keindahan dalam kajian ini adalah daripada pandangan masyarakat Kelantan mengenai rebana kercing.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

*This study aims to look at the history of Rebana Kercing performances in Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. This study only focuses on the community in Kampung Laut in Kelantan. In addition, this study is to elaborate on the elements that are present in the Rebana Kercing performances.*

*The researcher used a qualitative method consisting of primary data that uses the method of questionnaires, interviews and observations in addition to being supported from secondary data from reading books in the library, journals, articles as well as the internet. Aesthetics of beauty in this study is from the Kelantan community's view of the Rebana Kercing.*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	i
<b>ISI KANDUNGAN</b>	
<b>SENARAI GAMBAR</b>	
<b>SENARAI RAJAH</b>	
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iii

<b>Bab 1 : PENGENALAN</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kawasan Kajian	8
1.6.1 Lokasi Kajian	9
1.6.2 Negeri Kelantan	9 – 10
1.6.3 Daerah Tumpat	11 – 12
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Individu	12
1.7.2 Masyarakat	13
1.7.3 Institusi Pengajian	14
1.7.4 Negara	14 - 15
1.8 Struktur Penulisan	16
1.9 Kesimpulan	17

<b>BAB 2 : KAJIAN LITERATUR</b>	<b>Muka Surat</b>
2.1 Pengenalan	18 – 19
2.2 Kajian Terdahulu	19
2.2.1 Penerapan Agama Islam	19 - 21
2.2.2 Etnomuzikologi dalam persembahan	21 – 22
2.3 Kerangka Teoritikal	23
2.3.1 Teori Tradisi Lisan	23
2.4 Kesimpulan	24

<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>Muka Surat</b>
3.1 Pengenalan	25 – 26
3.2 Rekabentuk Metodologi Kajian	26
a) Persampelan	26
b) Pengumpulan Data	27
3.2.1 Kaedah Kualitatif	27 – 28
3.3 Metodologi Kajian	28
a) Primer	28 – 30
b) Sekunder	30 – 31
3.4 Kesimpulan	31

<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	<b>Muka Surat</b>
4.1 Pengenalan	32
4.2 Sejarah Rebana Kercing	33 – 34
4.3 Fungsi elemen dalam Repotoire Ensemble Rebana Kercing	35
4.3.1 Lagu	35 – 36
4.3.2 Gerakan atau Tarian	36 – 37
4.3.3 Alat Muzik	37 - 41
4.4 Penerimaan Masyarakat mengenai Repotoire Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan	42
4.4.1 Data Demografi Responden	42
a) Jantina Responden	42
b) Kumpulan Umur Responden	43 - 44



4.5 Analisis dan Perbincangan mengenai sejarah Rebana Kercing	44 – 45
4.5.1 Apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing?	46
4.5.2 Adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing?	47
4.5.3 Adakah anda mengetahui mengenai persembahan rebana kercing?	48
4.5.4 Apakah rebana kercing ini berunsur islamik?	49
4.5.5 Adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik?	50 – 51
4.6 Analisis dan Perbincangan mengenai Rebana Kercing Membawa kepada Perpaduan Budaya Warisan	51
4.6.1 Saya pernah mendengar mengenai rebana kercing	51 -52
4.6.2 Saya berminat untuk mengetahui tentang rebana kercing	53 – 54
4.6.3 Saya berminat untuk belajar mengenai alat muzik/tarian/lagu rebana kercing	55 - 56
4.6.4 Rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing	57 - 58
4.6.5 Rebana kercing dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain	59 - 60
4.6.6 Saya berasa bahawa Rebana Kercing ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan	61 – 62
4.6.7 Apabila saya menyukai seni Rebana Kercing, saya ingin belajar dengan lebih lagi	63 - 64
4.6.8 Lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan	65 - 66
4.6.9 Tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu	67 – 68

4.6.10 Saya melihat bahawa persembahan tarian memerlukan 7 hingga 12 orang	69 - 70
4.6.11 Saya terima dan suka persembahan Rebana Kercing	71 – 72
4.6.12 Saya akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang	73 - 74

<b>BAB 5 : PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN</b>	<b>Muka Surat</b>
5.1 Perbincangan	75
5.2 Batasan Kajian	75 - 76
5.3 Cadangan	76
5.3.1 Program Perkongsian Ilmu	76
5.3.2 Pendokumentasian	77
5.3.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	77 – 78
5.4 Rumusan	79

<b>RUJUKAN</b>	80 – 81
LAMPIRAN A	82 – 83
LAMPIRAN B	84 – 86
LAMPIRAN C	87 - 89

# BAB 1 PENGENALAN

## 1.0 TAJUK KAJIAN

### KAJIAN TERHADAP REPOTOIRE ENSEMBEL REBANA KERCING DI KAMPUNG LAUT, KELANTAN

## 1.2 PENGENALAN

Seni ialah pelbagai aktiviti manusia dan hasil daripada aktiviti tersebut termasuk seni persembahan puisi, tarian, nyanyian, dan lain-lain, kraf termasuk lukisan, arca, tembikar, ukiran kayu, dan lain-lain. Kesenian dalam budaya Melayu secara tradisinya wujud seiring dengan penciptaan barangan utiliti. Kesenian Melayu tradisional telah dikenali sebagai cerminan kemegahan dan keindahan unsur-unsur estetika atau hiasan yang menghiasinya yang membawa maksud falsafah dan keramat yang lebih mendalam. Dalam masyarakat Kelantan, kesenian bukan semata-mata objek keindahan tetapi juga berfungsi sebagai media untuk mewujudkan suasana yang aman dan tenteram. Negeri Kelantan yang terletak di kawasan Timur Laut Malaysia dianggap sebagai “*The Cradle of Malay Culture*”. Terdapat banyak bentuk warisan Malaysia yang dipercayai berasal dari Kelantan yang kemudiannya diiktiraf sebagai warisan Melayu antaranya Mak Yong, Rebana Kercing dan Permainan Tradisional Wau antara yang lain.

Bidang kesenian yang merupakan salah satu komponen kebudayaan, yang merangkumi karya seperti sajak, lukisan, muzik atau hasil sesuatu ciptaan yang mempunyai nilai-nilai estetika, keindahan serta kecantikan. Lumrahnya, keindahan

yang terbenam dalam jiwa manusia akan diekspresikan sehingga membentuk suatu hasil karya yang dinamakan seni. Bidang kesenian mempunyai kedudukan penting dalam kehidupan manusia yang menghasilkan titik kenikmatan dan kepuasan untuk diri mereka. Hal ini merupakan suatu yang normal kerana secara semula jadinya, setiap insan mempunyai rasa tenang, senang dan damai terhadap sesuatu yang indah.

Sebagai unsur kebudayaan, seni merupakan fitrah manusia yang diberikan oleh Allah SWT untuk aktiviti yang melibatkan kebolehan kreatif dalam mengekspresikan keindahan, kebenaran dan kebaikan. Seni sebagai proses kreatif adalah ekspresi perasaan, suasana hati dan jiwa (Rader, 1986). Ungkapan yang mempunyai makna dalam seni ialah ungkapan asal seni yang datang daripada 'imej jiwa atau intipati' perasaan yang paling dalam. Sebagai aktiviti kreatif, seni sangat terbuka kepada pelbagai tafsiran sehingga hampir tiada sempadan yang menghalangnya.

Masyarakat melayu dan agama islam adalah tidak lari kerana ia merupakan fitrah. Dalam Islam, seni adalah penggerak yang boleh menjangkau apa yang ada di sebalik kebendaan. Setiap manusia berhak mengekspresikan kreativiti masing-masing seperti seni membaca al-Quran, seni khat dan lain-lain. Seni dalam agama Islam adalah ungkapan keindahan yang tercipta dari pandangan agama Islam sendiri terhadap alam semesta, manusia serta kehidupan yang membawa kepada pertemuan kebenaran dan keindahan yang sempurna.

Selama dua ribu tahun yang lalu, seni persembahan Melayu telah melalui pelbagai peringkat dalam evolusinya, dibentuk oleh gabungan pelbagai pengaruh, dari segi dalaman dan luaran. Ia banyak dipengaruhi oleh sistem kepercayaan Melayu-Polinesia

yang mempunyai asas animisme yang kuat. Seni persembahan Melayu lebih dipengaruhi atau seperti yang digambarkan oleh Ghulam-Sarwar (2004, ms12), “diwarnai dengan pengaruh agama dan budaya yang memasuki Semenanjung Tanah Melayu dari Asia dan Timur Tengah pada pelbagai masa dari kira-kira abad ke-1 CE.” Orang Melayu di kampung Kelantan menganggap muzik tradisional termasuk muzik yang diwarisi dari masa lampau dan melekat pada tradisi lama. Istilah ‘muzik tradisional’ merujuk kepada tradisi muzik yang ditubuhkan di mana muziknya terdiri daripada vokal, iringan instrumental dan muzik tarian instrumental.

Lagu-lagu dalam bentuk tradisional terus muncul hari ini apabila pemuzik didorong untuk mencuba kembali kepada cara lama atau tradisional dalam nyanyian dan pembuatan alat muzik. Komuniti muzik termasuk penggiat muzik mendapati kepuasan dalam lagu tradisional yang memberikan pautan ke masa lalu. Orang Melayu di Kelantan, khususnya anggota masyarakat yang lebih tua, percaya menjadi kewajipan mereka untuk mempersembahkan lagu-lagu sejarah atau genre ensemble dalam acara nyanyian sebagai satu cara untuk memastikan kesinambungan dengan masa lampau. Mereka melihatnya sebagai kewajipan dan tanggungjawab mereka untuk memastikan warisan muzik mereka kekal dan berkembang maju.

Sebagai strategi untuk menghidupkan semula amalan seni dan budaya Melayu Islam di Malaysia, kerajaan perlu menyebarkan kesedaran dan kefahaman tentang keindahan warisan budaya Melayu Islam oleh orang Melayu di Malaysia. Warisan Melayu yang kaya harus dipelajari semula dan diamalkan walaupun tekanan pemodenan mengganggu kebanyakan orang Melayu.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Masyarakat sering mengabaikan seni dan budaya. Seni sering dilihat sebagai menganjurkan cara hidup sihat kerana ia adalah matlamat utamanya dalam kehidupan. Seni dianggap sebagai rangsangan penting untuk kehidupan, dan kita perlu memastikan bahawa ia memberikan panduan kepada hidup kepada masyarakat. Seni mempunyai kuasa dan harus digunakan supaya menjadikan individu itu ke arah yang lebih baik, Irhandayaningsih.A (2018). Maka dapat disimpulkan bahawa bidang seni mesti mampu membuat kemajuan dalam masyarakat. Dengan cara ini, seni menyampaikan nilai-nilai yang menjadi asas aktiviti manusia. Salah satu bentuk kesenian tersebut ialah persembahan Rebana Kercing, bentuk budaya Rebana Kercing dilambangkan dengan kesenian yang berasal dari negara Arab dan Parsi. Bahan utama budaya ialah kreativiti, rasa dan niat, Anggoro Bayu (2018).

Menurut Saidon, Zaharul. (2014), tradisi persembahan kesenian Melayu tradisional mempunyai ciri-ciri wilayah antaranya suasana dan gaya penyampaian serta penggunaan dialek. Oleh itu, bentuk-bentuk seni persembahan dapat dikenal pasti kaitannya dengan negeri tertentu. Contoh kesenian berdasarkan negeri iaitu Kuda Kepang juga Ghazal daripada Negeri Johor, Boria daripada Negeri Pulau Pinang manakala Negeri Kelantan ada persembahan Wayang Kulit dan Mak Yong tidak dilupakan Rebana Kercing yang sememangnya tidak ada di negeri lain selain negeri serambi mekah ini. Maka, dapat pengkaji simpulkan bahawa masyarakat di kampung terutama sangat kreatif dalam membangunkan bentuk muzik rakyat mereka sendiri seperti persembahan Rebana Kercing ini.

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Wan Azmi Mohd Nor (2020), seni persembahan Rebana Kercing adalah sebuah persembahan warisan yang tidak ada di negeri lain selain Negeri Kelantan ia hanya dipersembahkan di Kampung Laut Tumpat. Permasalahan terhadap seni persembahan warisan adalah lebih kepada individu itu sendiri yang mana mereka tidak lagi mengendahkan seni persembahan rebana kercing ini walaupun persembahan ini dipersembahkan sejak dari zaman nenek moyang kita lagi. Ini bermaksud bahawa persembahan Rebana Kercing ini telah wujud selama beratus tahun dan telah diperturunkan daripada generasi ke generasi. Persembahan Rebana Kercing ini juga semakin berkurangan dan semakin diabaikan oleh masyarakat. Tambahan lagi, individu kini juga diperhatikan bahawa tidak berminat untuk melihat dan jauh sekali untuk mempelajari mengenai kesenian persembahan hebat ini.

Selain itu, Journal of Social Sciences COES&RJ-JSS (2015) menyatakan bahawa masalah ekonomi pada tahun 1970-an menyebabkan ramai generasi muda pada ketika itu berhijrah mencari peluang pekerjaan yang lebih baik berbanding menetap dan mencari di negeri Kelantan ini. Maka, dapat saya simpulkan bahawa masyarakat di Kelantan terutama generasi muda ketika itu tidak mengambil peluang mempelajari dan menghayati kesenian ini. Ditambah lagi, dengan pemahaman yang lebih baik daripada ajaran islam menguatkan kesenian Rebana Kercing yang tertumpu di Kampung Laut ini. Akibat ketentuan ekonomi tempatan yang kurang memberangsangkan ketika itu, warisan tidak ketara ini sebagai adat tradisi di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan telah dibuang dalam aktiviti atau upacara seharian hidup mereka.

#### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Perbincangan kajian ini bertujuan untuk mengkaji aspek repotoire ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat. Secara khususnya, objektif kajian diperinci kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Mengkaji sejarah ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan.
- ii. Mengkaji fungsi elemen yang ada dalam Repotoire Ensemble Rebana Kercing.
- iii. Mengkaji penerimaan masyarakat mengenai repotoire persembahan Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan.



## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini telah menimbulkan beberapa aspek yang menjadi persoalan yang menjadi kesinambungan terhadap objektif kajian terhadap kajian ini. Aspek yang dilihat menjadi persoalannya ialah:

- i. Apakah sejarah ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan?
- ii. Bagaimanakah elemen dalam repotoire persembahan Rebana Kercing ini berfungsi?
- iii. Apakah penerimaan masyarakat mengenai repotoire persembahan Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan?

## **1.6 KAWASAN KAJIAN**

Kajian ini dibataskan kepada aspek kesenian yang terdapat dalam ensemble repotoire Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan dengan membahaskan beberapa aspek penting dalam persembahan kesenian warisan Melayu ini khususnya di Kelantan. Manakala perbincangan hasil atau karya seni meliputi sejarah, elemen yang ada di dalam rebana kercing dan penerimaan masyarakat mengenai Rebana Kercing yang akan diwarisi turun-turun oleh masyarakat Melayu.

### **1.6.1 LOKASI KAJIAN**

Lokasi kajian merupakan aspek penting dalam menjalankan sesuatu kajian. Lokasi yang dipilih ialah di kawasan Kampung Laut yang terletak dalam daerah Tumpat, Kelantan. Lokasi ini dipilih kerana merupakan kawasan yang dikatakan pertemuan awal aktiviti kesenian Rebana Kercing. Selain itu, tempat ini mudah dituju dan mempunyai tokoh yang boleh ditemu bual yang merupakan aspek penting dalam projek penyelidikan ini

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.6.2 Negeri Kelantan



Peta Negeri Kelantan

Sumber : Portal Rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Negeri Kelantan


Kelantan merupakan negeri yang sangat dekat dengan selatan negara Thailand. Sebelum ini negara Thailand lebih dikenali dengan nama Negeri Patani Darul Salam. Hubungan sejarah yang baik antara Kesultanan Melayu Patani dan Kesultanan Melayu Islam ini adalah kerana hubungan pertalian darah antara Kesultanan Melayu Patani dan Kesultanan Melayu Negeri Champa. Apabila pihak Siam dan pihak British mengkhianati Kesultanan Melayu Patani. Maka, pihak mereka telah mendominasi negara Thailand tersebut. Setelah kejadian itu berlaku maka, negeri Patani dibahagikan kepada beberapa wilayah yang terdiri daripada Narathiwat, Yala atau nama lain iaitu Jala, Patani dan juga Songkhla.

Pada tahun 1948, di bawah perjanjian British-Siam, pemerintahan di bahagian selatan Siam dipisahkan. Kemudian, negeri Patani di ambil alih oleh negara Thailand. Manakala, negeri Kelantan di ambil alih oleh negara Malaysia.

Kesimpulannya, negeri Kelantan mempunyai budaya yang sangat unik dan berhubungkait rapat dengan budaya yang ada di negeri Patani. Mak Yong, Main Puteri, Dikir Barat dan seangkatan dengannya merupakan hasil daripada asimilasi budaya antara orang Melayu, Siam dan ajaran Islam. UNESCO telah mengiktiraf Mak Yong sebagai satu kebudayaan negeri Kelantan yang unik. Mak Yong juga dipengaruhi oleh negara Thailand daripada budaya Siam. Manakala, Dikir Barat pula dipengaruhi oleh ajaran Islam. Masyarakat Melayu di Malaysia sangat berinovasi dengan menggabungkan elemen lakonan, muzik vokal dan instrumental, ensemble juga pakaian. Maka, tercipta teater ini. Negeri Kelantan khususnya dalam persembahan Mak Yong, mereka jadikan persembahan ini sebagai alternatif untuk hiburan juga bertujuan ritual yang berkaitan dengan amalan menyembuhkan sesuatu penyakit.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### 1.6.3 Daerah Tumpat



Peta Daerah Tumpat

Sumber : Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tumpat

Jajahan Tumpat adalah daerah paling utara di Kelantan. Ia dipisahkan dari Jajahan Kota Bharu di sebelah timur oleh Sungai Kelantan. Ia juga berkongsi sempadan dengan Jajahan Pasir Mas di selatan dan Thailand di barat. Pusat pentadbiran Jajahan Tumpat ialah Pekan Tumpat.

Pengkalan Kubor, sebuah pekan di Jajahan Tumpat, merupakan lokasi penyeberangan sungai dari Kelantan ke Golok di Thailand. Oleh kerana daerah ini berdekatan dengan Thailand, ia telah menyerap pengaruh Thai yang tercermin dalam banyak kuil Buddha Thai di daerah ini.

Jajahan Tumpat telah dibina pada 1 Januari, 1949 di Kawasan Padang Mahkota iaitu di hadapan kediaman rasmi Ketua Jajahan dan apabila beroperasi telah diterajui oleh Allahyarham Dato' Nik Hussein bin Nik Zainal (Dato' Kaya Setia) sebagai Ketua

Jajahan yang pertama. Kespesatan pembangunan yang dialami di Jajahan Tumpat pada waktu itu serentak dengan perkembangan Pelabuhan dan Stesen Keretapi yang merupakan perhubungan dan pengangkutan di Pantai Timur. Jajahan Tumpat adalah satu-satunya Jajahan yang paling kecil antara Jajahan di Negeri Kelantan dengan keluasannya 169.5 km. Bagaimanapun, daerah Tumpat merupakan jajahan yang paling unik sekali, kerana mempunyai dataran dan banyak pulau dan sungai yang tidak berbukit yang amat sesuai. Ia juga berpotensi untuk dijadikan kawasan Pelancongan Antarabangsa. Jajahan Tumpat ditadbir daripada Tujuh Daerah Penggawa dan dibahagikan kepada 30 Mukim. Di setiap Mukim ini pula terdapat beberapa buah kampung yang kesemuanya berjumlah 57 buah dan setiap kampung diketuai oleh seorang penghulu iaitu Ketua Kampung yang bertindak sebagai penghubung antara rakyat dan Pentadbiran Jajahan.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian mengenai warisan tidak ketara dari masyarakat di Kampung Laut ini mempunyai beberapa kepentingan yang dilihat dapat memberi manfaat kepada pihak lain yang berkenaan. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menyenaraikan kepentingan kajian kepada pihak yang menjadi sasaran iaitu individu, masyarakat, institusi pengajian dan negara :

### **1.7.1 Individu**

Pengkaji yang bukan berasal daripada Kelantan sangat berhasrat untuk mendalami lagi ilmu pengetahuan dalam bidang warisan tradisional. Maka, pengkaji

berkesempatan untuk melihat sendiri persembahan Rebana Kercing ini dan mendapatkan beberapa maklumat penting melalui program yang dianjurkan bersama pelajar Universiti Malaysia Kelantan Kampus Bachok, Kelantan. Melalui temubual secara tidak langsung, pengkaji sedar bahawa untuk mendapatkan sesuatu maklumat itu sangat penting bukanlah sekadar membaca tetapi apabila ia melibatkan warisan tidak ketara maka individu tersebut perlu melihat dan merasai sendiri suasana sesebuah warisan tersebut. Di samping itu, kajian ini mampu meningkatkan kesedaran dalam diri pengkaji sendiri agar mampu memelihara warisan peninggalan nenek moyang daripada terhapus.

### **1.7.2 Masyarakat**

Pendekatan yang sesuai diperlukan bagi mengekalkan sesuatu warisan budaya itu kekal dan mampan. Hal yang sama, dikehendaki oleh pengkaji terhadap warisan kesenian repotoire Rebana Kercing yang telah pun wujud sekian lamanya. Namun perkara yang berlaku adalah sebaliknya. Maka, kajian ini dibuat agar dapat membuka mata dan memberi pendedahan khususnya kepada masyarakat serta generasi kini agar mengenali dan mendalami warisan budaya yang mereka sendiri telah terima daripada masyarakat Arab-Parsi secara lebih terperinci. Jadi, dengan belajar menghayati repotoire Rebana Kercing ini akan memberi sesuatu penghargaan bahawa bidang kesenian ini meluas kerana terdapat pengajaran juga mesej dalam penyampaian dalam persembahan ini.

### 1.7.3 Institusi Pengajian

Menurut kajian-kajian yang sebelumnya, pengkaji mendapati bahawa maklumat tentang Repotoire Rebana Kercing masih kurang sumber bahan rujukan. Hal ini demikian kerana semasa pengkaji membuat kajian kepustakaan, lebih kurang dua atau tiga buku sahaja yang menyebut tentang Repotoire Rebana Kercing. Tambahan pula, buku tersebut hanya menerangkan secara ringkas tentang Rebana Kercing ini manakala selebihnya pula diperolehi melalui kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji sendiri. Dengan itu, kajian ini dapat memperkenalkan, memupuk dan memberi penerangan secara terperinci lagi tentang Repotoire Ensemble Rebana Kercing khususnya di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan.

Melihat kepada keperluan bidang kesenian yang semakin pupus ini maka menjadi tanggungjawab pengkaji bahawa kajian akan mengekalkan keseimbangan dan keharmonian hidup masyarakat ini. Pengkaji berharap agar kajian ini menjadi salah satu bahan rujukan yang boleh membantu pengkaji-pengkaji lain yang berhasrat untuk membuat kajian tentang tajuk ini.

### 1.7.4 Negara

Malaysia yang sememangnya kaya dengan pelbagai warisan budaya dan adat resam, telah berjaya mengangkat nama baik negara di mata dunia dengan keunikan warisan budaya seperti Makyong iaitu salah satu warisan budaya yang diangkat serta dipelihara oleh UNESCO.



Kajian ini penting bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan mengekalkan budaya kesenian ini yang menjadi lambang identiti masyarakat Kampung Laut, Tumpat di Kelantan agar ia kembali bangkit supaya ia tidak pupus ditelan zaman. Selain itu, teknologi canggih kini juga memberi sumbangan besar kepada negara dan juga pendigitalan dalam bentuk rakaman akan terus menyumbang kepada kebangkitan warisan tidak ketara ini kerana penyesuaian atau hasil karya sebagai bukti bahawa bentuk pendigitalan baharu yang sesuai dengan masyarakat kontemporari kini. Ia juga berpotensi untuk diangkat sebagai kesenian budaya warisan negara kerana ia melibatkan beberapa elemen kesenian seperti persembahan tarian yang lembut, persembahan nyanyian, alat muzik dan muzik dan lirik lagu berunsur ajaran Islam.

Oleh itu, dengan adanya bahan-bahan yang didapati oleh Harun Hasan iaitu anak jati Kampung Laut yang belajar mengenai kesenian ensemble Rebana Kercing seawal 10 tahun. Beliau sangat hebat daripada bidang nyanyian dan memainkan alat muzik juga persembahan tarian dalam memimpin persembahan Rebana Kercing ini. Seterusnya, ia dapat dijadikan sebagai penghargaan kepada beliau yang telah lama terlibat dengan kesenian ini. Dengan adanya kajian ini, diharapkan masyarakat dapat menyedari kewujudan Harun Hasan atau lebih dikenali Pak Su Harun dalam memperjuangkan seni ini yang seakan-akan “hampir pupus” dan generasi kini serta generasi akan datang boleh mengenali beliau dari segi latar belakang, pengalaman dan sumbangan beliau dalam ensemble persembahan Rebana Kercing ini.

## 1.8 STRUKTUR PENULISAN

Struktur penulisan merupakan keterangan ringkas yang merangkumi setiap bab yang terdapat di dalam kajian ini. Setiap bab dalam kajian ini akan diterangkan secara terperinci mengenai kajian yang dijalankan. Oleh yang demikian, struktur penulisan bagi kajian ini secara umumnya merangkumi lima bab. Kajian ini dimulai dengan Bab 1 iaitu menghuraikan mengenai bab pengenalan. Pengenalan bagi bab ini termasuklah permasalahan kajian iaitu masalah yang terdapat dalam penyelidikan ini, persoalan kajian, objektif kajian iaitu sasaran pengkaji yang ingin dicapai melalui kajian ini, skop kajian ataupun batasan kajian dan kepentingan kajian iaitu manfaat kajian yang dilaksanakan.

Seterusnya, dalam Bab 2 membincangkan tentang sorotan kajian lepas serta kerangka teori dalam kajian ini. Sorotan kajian merupakan pernyataan yang mendukung objektif kajian ini. Melalui bab ini juga mengandungi kaedah, pendapat, penilaian, dan laporan kajian. Dalam bab 3, iaitu metodologi kajian merupakan rangkuman kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, reka bentuk kajian, dan instrumen kajian. Selepas itu, Bab 4 iaitu menganalisis dapatan kajian di mana, pengkaji akan menghuraikan segala data yang diperolehi melalui kaedah penyelidikan yang digunakan. Akhir sekali, Bab 5 merupakan bab yang akan merumuskan dapatan kajian mengenai kajian terhadap repotoire ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan ini dan mengemukakan beberapa cadangan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi.

## 1.9 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab satu menerangkan secara ringkas mengenai kajian yang dijalankan mengenai ensemble persembahan Rebana Kercing yang tertumpu kepada sejarah dan fungsi elemen yang ada dalam persembahan rebana kercing khususnya masyarakat di Kampung Laut di Tumpat, Kelantan. Bab ini merupakan pengenalan awal kepada perjalanan keseluruhan kajian. Pengisian bab ini adalah penting terutama sekali dalam menentukan kepada hala tuju kajian ini agar berada dalam landasan yang betul dengan adanya objektif kajian sebagai panduan kepada fokus utama kajian ini iaitu mengkaji sejarah ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan. Seterusnya, mengkaji fungsi elemen yang ada dalam persembahan rebana kercing. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengkaji penerimaan masyarakat mengenai repertoire persembahan Rebana Kercing ini.

Melalui penulisan bab ini juga, pengkaji menjelaskan bahawa seni dan muzik adalah tidak dapat dipisahkan. Warisan ini memberi gambaran yang jelas tentang Rebana Kercing mementingkan pelbagai aspek daripada sejarah, lirik lagu. Karya seni ini memenuhi syarat-syarat estetik, menurut pandangan agama Islam, merupakan karya ibadah atau suatu bentuk yang bercirikan titik tolak, sebagai tujuan dan amal salih sebagai garis amal. Gambaran bahawa persembahan Rebana Kercing yang menjelaskan tentang adab atau kebudayaan yang menjadi tonggak kepada kehidupan yang mementingkan keharmonian di antara manusia dengan alam sekeliling dari generasi ke generasi yang lain.

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR

### 2.0 PENGENALAN

Bab ini menyentuh mengenai kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Pengkaji mencari dan mengumpulkan bahan-bahan rujukan kepustakaan seperti artikel, buku, jurnal, akhbar, majalah, tesis, kajian ilmiah dan laman sesawang. Dalam bab ini, akan dibincangkan sorotan kajian lepas tentang yang berkaitan dengan repotoire ensemble rebana kercing di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan ini. Pemeliharaan seni tradisional ini sebagai usaha dalam memupuk cinta budaya tempatan dalam masyarakat di Kelantan khususnya.

Pengkaji di Malaysia yang telah menghasilkan beberapa penulisan mengenai kesenian tradisional ensemble sebagai petunjuk kelestarian ialah Professor Madya Ab Aziz bin Shuaib, pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan dan Olalere Folasayo Enoch. Selain itu, Patricia Matusky, Tan Sooi Beng iaitu tokoh pengkaji yang mengkaji tentang seni persembahan di Malaysia yang berkait rapat dengan elemen yang terdapat dalam repotoire Ensembl Rebana Kercing di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan dari aspek seni persembahan, muzik dan gerakan. Di samping itu, pengkaji turut merujuk kepada penulisan pengkaji Barat dalam mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Selain itu pengkaji turut merujuk sumber daripada laman sesawang yang ada menyajikan maklumat tentang repotoire rebana kercing ini.

Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang konsep dan istilah yang dikaitkan dalam kajian ini iaitu ensemble rebana kercing. Bahagian kedua adalah meneliti kajian-kajian terdahulu mengenai hubungan komunikasi, instrumen dan persembahan rebana kercing yang dijalankan dalam masyarakat di Kampung Laut, Tumpat. Seterusnya, bahagian ketiga pula menghuraikan kerangka teoritikal kajian ini iaitu “teori tradisi lisan” bagi menjawab kepada persoalan-persoalan kajian.

## **2.1 KAJIAN TERDAHULU**

### **2.1.1 Penerapan Agama Islam**

Siti Fatimah Datu Ali Nafiah membincangkan tentang konsep kesenian dalam tamadun islam. Melalui kajian beliau yang bertajuk “Kesenian Tamadun Islam dalam Warisan Seni Tradisi Melayu” dapat disimpulkan bahawa pengkaji ini menyatakan pendapat bahawa masyarakat islam, terutama orang melayu perlu memastikan warisan seni tradisi Melayu terus berhubung dengan elemen seni Islam bagi memastikan nilai kesenian berlandaskan ajaran Islam terus dihayati selaras dengan peradaban Islam. Pengkaji belum memfokuskan kepada pencarian maklumat tentang penerapan agama islam dalam repotoire ensemble Rebana Kercing di Kelantan ini. Tetapi pada umumnya, rebana kercing adalah repotoire ensemble yang bercirikan Arab Parsi, maka ia jelas menampilkan ciri kesenian berdasarakan ajaran Islam itu sendiri. Malaysia khususnya di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan sangat terkenal dengan warisan seni yang telah diwarisi turun-temurun daripada nenek moyang mereka. Akhirnya, kedatangan Islam di

Tanah Melayu mula mendekatkan masyarakat Melayu di Kampung Laut, Tumpat dengan aspek kesenian yang sangat tinggi nilainya.

Menurut kajian lepas Farok Zakaria, (2011), menerusi “*Strengthening 19nsembl cultural heritage of the Malays in Malaysia in the post global society*” membincangkan tentang bahawa gaya hidup Islam menjadi pengamalan masyarakat setempat dalam setiap aspek kehidupan mereka. Budaya kesenian membentuk masyarakat setempat adalah merupakan pengaplikasian dengan cara hidup Islam sama ada dalam bentuk ritual atau artifak. Pengkaji menekankan bahawa banyak upacara dan kesenian Melayu berkaitan dengan ajaran Islam telah dihindari kerana kurangnya pemahaman dan penghayatan oleh orang tempatan khususnya orang Melayu Islam serta aktivis yang semakin tua. Keadaan ini dipercayai disebabkan oleh pengaruh global moden.

Antara perkara asas yang menjadi pegangan masyarakat tempat bangsa Melayu Islam adalah hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia dan seni persembahan Tradisional Melayu. Beliau juga menyatakan bahawa konsep ajaran Islam yang diaplikasikan adalah seperti berikut:

Nabi Muhammad saw bersabda: “Allah itu indah dan menyukai keindahan.”

[Sahih Muslim (911)]

Berdasarkan teks di atas, Nanang Rizali (2012) kesenian Islam secara langsung diilhamkan oleh kerohanian Islam, manakala bentuknya dibentuk oleh ciri-ciri tertentu. Sesuatu bentuk seni yang berteraskan kebijaksanaan atau hikmah daripada kerohanian

atau kebijaksanaan daripada kerohanian Islam bukan sahaja berkaitan dengan zahir (bentuk), tetapi juga hakikat batin (makna).

### **2.1.2 Etnomuzikologi dalam persembahan**

Muzik termasuk dalam kesenian tradisional yang berbentuk seni persembahan yang dipraktikkan secara turun temurun. Ini melibatkan nilai dan kepercayaan dalam kehidupan sosial dan budaya bagi sesuatu suku kaum. Menurut Matusky dan Tan (1997) mereka menyimpulkan bahawa muzik tradisional merupakan ‘Budaya Rakyat’ yang diperturunkan secara lisan atau dalam bentuk komunikasi di kampung-kampung dan tertumpu khusus pada kawasan pedalaman atau desa secara tidak langsung.

Alat muzik tradisional Melayu memainkan peranan yang besar dan sangat berpengaruh terutama sekali dalam bidang hiburan juga perkembangan budaya juga sastera. Ketiadaan peralatan muzik tradisional ini akan menjadi tidak bermakna dan kurang mempengaruhi jiwa audiens. Maka dapat pengkaji simpulkan bahawa muzik dan penonton, saling melengkapi dalam sesuatu perhubungan hiburan. Menerusi penulisan Catur Surya (2018) bertajuk *“The Concept of Music Collaboration : A Unified Cultural Harmony”* menyatakan bahawa kebiasaan muzik Melayu di Indonesia dipengaruhi oleh alat muzik seperti gambus, rebana, gong dan alunan serunai. Ini jelas bahawa muzik Melayu banyak dipengaruhi oleh Timur Tengah, yang kebanyakan alat muzik ini dibawa oleh orang Arab dari Yaman. Akhirnya, muzik melayu kemudian berkembang di Negeri-Negeri Melayu termasuklah negara Indonesia, Singapura, dan Brunei Darussalam. Walaupun terdapat alat muzik tradisional yang hanya digunakan

hanya untuk hiburan. Tetapi, alat muzik tersebut juga boleh berkomunikasi kepada audiens dengan mempengaruhi hati para pendengar. Akhir sekali, hiburan tradisional kita yang begitu besar pengaruh dan fungsi mereka kepada bangsa kita pada zaman yang lampau.

Seni tari dan muzik mempunyai hubungan yang kuat dalam kehidupan manusia dan alam semesta. Tarian dalam alam Melayu diertikan sebagai seni yang halus. Tarian dalam alam Melayu merupakan satu pelengkap dan berfungsi dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Pergerakan yang dipersembahkan melalui lenggang-lenggok juga ayunan tangan yang lembut merupakan kehalusan dan kesopanan adab melayu. Setiap pergerakan membawa makna dan juga terdapat cerita-cerita yang menarik. Menurut Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon, Nor Shuradi Nor Hashim (2013) menerusi penulisan bertajuk “Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi” pergerakan ritual yang ringkas adalah permulaan perkembangan tarian tradisi Melayu kemudian menjadu tarian rakyat akhirnya menjadu tarian istana yang lebih kompleks dan halus. Terdapat dua fungsi iaitu aspek sekular dan aspek spiritual dalam tarian yang dipersembahkan oleh masyarakat Melayu pada ketika itu. Maksud aspek sekular adalah mendidik dan menyambung cerita dongeng, legenda, adat tradisi dan hiburan. Kemudian, maksud aspek spiritual adalah bermaksud yang lebih mendalam merupakan laluan untuk menghubungi, mempelawa dan memuja semangat animism. Dapat disimpulkan bahawa hubungan gerak tari dan muzik ini tidak dapat dipisahkan. Menurut Blacking (1973), muzik ini mampu mengeluarkan perlakuan sosial, pengetahuan juga digunakan secara berkesan kepada mereka, yang ada kemahiran mendengar dan mengadaptasikan budaya tempatan. Selain itu, tokoh Bernama Merriam (1964), menyatakan bahawa salah satu fungsi muzik adalah untuk mengiringi tarian dalam sesebuah masyarakat.



## 2.2 KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teori bermaksud rekabentuk kajian atau struktur kajian keseluruhan sesebuah kajian ilmiah. Kerangka teori adalah landasan atau garisan penggunaan teori atau dasar pemikiran secara ilmiah dalam meneliti sesuatu yang dilakukan, menurut Nawawi (2011). Selain itu, teori merupakan satu konsep dan model secara sistematik yang bertujuan bagi membina makna untuk menjelaskan, mencorakkan dan mentafsirkan amalan menurut Garrison (2000). Beliau menyatakan bahawa teori pula akan memberikan perspektif yang dapat mengurangkan kerumitan dalam menghuraikan fenomena yang kompleks.

### 2.2.1 TEORI LISAN

Definisi dan huraian ini, dapat dikenal pasti bahawa pada asasnya terjemahan lisan ialah satu proses pemindahan mesej yang dituturkan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dengan proses mendengar, memahami, menganalisis, dan menyatakan semula (Jones, 1998: 71). Selain itu, terdapat pelbagai definisi turut disampaikan oleh beberapa pakar terjemahan lisan. Salah satunya ialah pendapat Shuttleworth dan Cowie (1997: 83) yang mengatakan bahawa: "Interpreting is a term used to refer to the oral translation of a spoken message or text." Tambahan lagi, menurut Jones (1996: 6), terjemahan lisan diterangkan seperti berikut: "Pentafsir perlu terlebih dahulu mendengar penutur, memahami dan menganalisis apa yang diperkatakan, dan kemudian mensintesis semula ucapan dalam bentuk yang sesuai dalam ensemble yang berbeza ..."

## 2.4 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, rujukan melalui kajian-kajian lepas yang terdapat dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa ensemble Rebana Kercing semakin kurang diminati atas beberapa faktor yang telah dinyatakan oleh beberapa penulis. Walaupun, masyarakat tempatan di Kelantan mempunyai warisan ketara yang sangat tinggi nilainya, seni Ensembl Rebana Kercing ini semakin berkurang disebabkan oleh tidak didokumentasikan dengan baik. Juga kurang diberi pendedahan juga penglibatan yang kurang dalam masyarakat majmuk di Kelantan khususnya. Dalam erti kata lain, warisan yang tidak ketara ini perlulah direkod melalui penulisan. Contohnya, penulisan secara lengkap dalam buku mengenai Repotoire Ensembl Rebana Kercing ini. Maka, ia pasti akan dipelihara dan boleh dijadikan sebagai sumber bahan rujukan kepada generasi akan datang.

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 PENGENALAN

Penyelidikan atau kajian adalah sebagai satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk memecahkan sesuatu persoalan. Dengan itu, tujuan menjalankan kajian ialah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik oleh J. supranto (1986) yang diambil oleh Azhar (2006). Maka, lain-lain kajian sangat memerlukan kepada metodologi sebagai alternatif untuk peroleh dapatan. Metodologi yang digunakan memerlukan teknik yang sistematik bagi memenuhi kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti.

Metodologi dalam bab ini merujuk kepada tatacara melaksanakan kajian atau tatacara mendapatkan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Ahmad Mahdzan Ayob (1993) menetapkan bahawa kaedah kajian sebagai langkah atau prosedur untuk mencapai semua objektif dimana aktiviti kajian sudah tentu dijalankan mengikut kaedah sains. Bagi pelaksanaan kajian ini, penulis akan memastikan teknik-teknik kajian yang dipilih dapat menjamin kajian dapat dilakukan secara lebih teratur dan teliti dalam semua aspek. Secara umum, kajian ini menggabungkan dua bentuk asas kajian bagi menghasilkan dapatan yang lebih berkualiti. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Gabungan kedua-dua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua-dua elemen tersebut.

Berdasarkan kepada persoalan kajian, penulis lebih memfokuskan pendekatan kaedah kajian ini kepada pendekatan kaedah yang bersifat kuantitatif, walau bagaimanapun, pengkaji turut memilih pendekatan kaedah yang bersifat kualitatif bagi menyokong dan menguatkan lagi kajian dapatan. Justeru kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kajian campuran yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji menetapkan pemilihan ini berasaskan kepada tajuk dan persoalan kajian ini yang lebih memerlukan kepada kedua-dua bentuk pendekatan ini.

### **3.2 REKA BENTUK METODOLOGI KAJIAN**

Antara tujuan reka bentuk metodologi kajian adalah untuk menghubungkan persoalan atau objektif kajian dengan hasil kajian. Reka bentuk metodologi kajian dalam penyelidikan ini adalah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah persampelan digunakan kerana proses untuk mendapatkan maklumat adalah tepat dan mudah serta relevan dengan objektif yang telah ditetapkan. Kaedah ini menggunakan yang mana ia lebih mudah untuk mendapatkan dapatan daripada responden (Marson et.al 1998).

#### **a. Persampelan**

Kajian ini menggunakan persampelan secara rawak dan merupakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah soal selidik dan temu bual sebagai tulang belakang kajian yang melibatkan 30 responden dan seramai 5 orang informan yang terdiri

daripada penduduk Kampung Laut yang merupakan penggiat seni dan penduduk di kawasan Tumpat yang dipilih secara persampelan rawak mudah.

#### **b. Pengumpulan Data**


Secara amnya, data-data yang dikumpulkan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini terdiri daripada dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Pengumpulan data bertujuan untuk mengenal pasti aktiviti-aktiviti kesenian persembahan Rebana Kercing khususnya daripada fungsi elemen dalam persembahan Rebana Kercing ini dijalankan oleh mereka iaitu penggiat seni ini dan mendapatkan bukti atau bahan untuk mendokumentasikan dalam bentuk digital terhadap aktiviti persembahan Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan ini.

### **3.2.1 KAEDAH KUALITATIF**

Kaedah kualitatif ini tidak diperolehi melalui proses pengiraan atau  $26n$ ensemble $26$  tetapi berdasarkan sebuah penelitian. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), menyatakan bahawa ia melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk penggunaan pendekatan semula jadi untuk menyelidik sesuatu subjek. Penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri kearah pemahaman yang berlandaskan kaedah pengumpulan data yang sering digunakan semasa meninjau sesuatu permasalahan sosial. Oleh itu, kaedah ini tidak melibatkan proses formula kira-kira atau melibatkan perkiraan nombor namun, ia mementingkan fakta yang difokuskan untuk dianggap sebagai data terpenting. Nota lapangan dan catatan pengkaji merupakan tunjang utama dalam

mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Sebagai contoh, bahan bacaan berilmiah. Secara ringkasnya, kaedah kualitatif dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji menggunakan kaedah temu bual, analisis dokumen atau sebarang alternatif lain bagi mendapatkan data yang diperlukan.

Kaedah kualitatif dijalankan berdasarkan pada rajah 3.3.1 berikut :



### 3.3 METODOLOGI KAJIAN

#### a) PRIMER

Data primer mengandungi soal selidik, pemerhatian dan temu bual. Dalam hal ini, penyelidikan akan dilaksanakan untuk mendapatkan data yang belum diperolehi. Oleh itu, data yang diperolehi akan dimasukkan dan dianalisis dalam kajian dengan tepat.

**i. Soal selidik**

Penggunaan ensemble kaji selidik merupakan kaedah utama dalam pengumpulan data kerana ia berhubung terus dengan kumpulan sasaran. Penggunaan ensemble soal selidik perlu melalui strategi mereka bentuk soalan yang sesuai berdasarkan objektif kajian. Soal selidik ini dijalankan terhadap 30 orang responden dipilih secara rawak yang terdiri daripada pelajar dalam bidang seni dan penduduk di Kampung Laut. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada 3 bahagian, bahagian A iaitu data demografi, bahagian B objektif pertama iaitu mengenal pasti sejarah peradaban kesenian Rebana Kercing di Kampung Laut berkait dengan tamadun Melayu manakala bahagian dan mengenal pasti penerimaan masyarakat terhadap ensemble persembahan Rebana Kercing. Kajian ini menggunakan satu set soalan soal selidik yang mengandungi 17 soalan dengan menggunakan skala likert 5 peringkat yang mengandungi pilihan jawapan sama ada sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), kurang setuju (3), setuju (4) dan sangat setuju (5).

**ii. Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah alternatif dalam pengumpulan maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temu bual. Pemerhatian memerlukan penyelidik memerhati sendiri keadaan di kawasan kajian disamping membolehkan pengkaji lebih memahami situasi yang sebenar perkara yang hendak digambarkan oleh responden. Pemerhatian telah dilakukan di kawasan kesenian di Kampung Laut selama 3 minggu iaitu sebanyak 3 hari.

Saya sebagai pengkaji telah membuat pemerhatian dari minggu pertama Mei, minggu pertama dan kedua Jun. Setiap pemerhatian dilakukan selama 2 hingga 3 jam untuk mengenal pasti sejarah mengenai Rebana Kercing di Kampung Laut dan mengenal pasti penerimaan masyarakat terhadap repotoire persembahan rebana kercing di Kampung Laut. Melalui kaedah ini, pengkaji menggunakan kamera untuk mengambil foto pegun sebagai bahan bukti.

### iii. Temu bual

Berdasarkan kaedah temu bual, pengkaji akan dapat memperolehi maklumat berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Kaedah ini dijalankan seramai 5 orang informan yang merupakan penduduk Kampung Laut dan terdiri daripada dua orang penggiat seni Rebana Kercing dan 3 orang penduduk Kampung Laut yang ditemubual di kawasan kajian bagi mengukuhkan lagi maklumat atau data berdasarkan objektif kajian iaitu mengkaji sejarah ensemble Rebana Kercing di Kampung Laut, Kelantan dan mengkaji elemen-elemen yang ada dalam persembahan rebana kercing juga mengenal pasti penerimaan masyarakat mengenai repotoire persembahan Rebana Kercing.

### b) SEKUNDER

Data sekunder merupakan data yang menyokong data primer untuk mendapatkan hasil yang tepat dan jitu. Data diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok. Data-data penting termasuklah daripada sebuah



buku iaitu teknologi digital, keratan akhbar iaitu Sinar Harian, Internet, kamus dan bahan ilmiah seperti artikel dan jurnal yang lain. Selain itu, peta dan gambar rajah diperoleh daripada laman Google Maps dan Portal Rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Negeri Kelantan.

### **3.4 KESIMPULAN**

Bab ini secara keseluruhannya, membincangkan bahawa kaedah yang diaplikasikan dalam kajian mengenai repotoire Ensembl Rebane Kercing ini di Kampung Laut, Tumpat di Kelantan ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dalam memperolehi maklumat iaitu melalui kaedah temu bual dan kajian lapangan. Kaedah temu bual dilakukan kepada beberapa orang informen. Informen adalah terdiri daripada individu yang berpengalaman luas dalam bidang kesenian Ensembl Rebane Kercing ini sendiri juga melibatkan penggiat seni ini sendiri sama ada, secara langsung ataupun tidak langsung di kawasan Kampung Laut, Tumpat di Kelantan ini.

Selain itu, pengkaji memilih informen daripada kalangan individu yang merupakan pengasas kepada kumupulan kegiatan seni Rebane Kercing ini sendiri. Pengumpulan data pula diperoleh data primer juga data sekunder. Bagi kaedah analisis data, pengaplikasian kaedah transkripsi digunakan selepas memperoleh data daripada kajian temu bual. Instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan rakaman audio, rakaman video, kamera digital, nota dan jurnal kajian serta soalan temu bual. Secara ringkasnya, metodologi kajian ini dianggap sebagai perancangan atau struktur pelan awal sesuatu kajian yang menentukan sama ada ia berjaya mencapai objektif kajian ataupun sebaliknya.

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada data yang telah dikaji dan yang telah diperolehi dari tokoh yang bernama Pak Su Harun. Hasil dapatan kajian yang diperolehi adalah melalui kaedah data temubual, kaedah data pemerhatian, data soal selidik dan melalui data perpustakaan iaitu melalui pembacaan. Ini kerana pengkaji menggunakan kaedah gabungan antara kuantitatif juga kualitatif dalam kajian ini. Pengkaji telah mengumpul data tersebut dan membuat rumusan daripada borang soal selidik yang telah diedar melalui *google form*.

Pengkaji telah menjalankan penyelidikan di sekitar Kelantan untuk mencari pengiat seni dalam persembahan Rebana Kercing yang masih aktif. Tempat yang ditumpu oleh pengkaji adalah di Kelantan sahaja khususnya di Kampung Laut. Selain itu, pengkaji juga telah mengedarkan borang soal selidik berbentuk *google form* yang berkaitan dengan penerimaan masyarakat mengenai repotoire persembahan rebana kercing di Kampung Laut, Kelantan dari umur 20 tahun hingga 59 tahun bagi mendapatkan hasil dapatan yang dibuat daripada objektif pengkaji. Kemudian, dianalisis dalam bentuk kuantitatif bagi objektif pertama dan kedua pengkaji iaitu mengkaji mengenai sejarah rebana kercing dan fungsi elemen dalam persembahan rebana kercing. Akhir sekali, penerimaan masyarakat yang dianalisis dalam bentuk jadual dan graf daripada responden.

## 4.2 SEJARAH REBANA KERCING

### 4.2.1 Sejarah

Dalam petikan akhbar yang ditulis oleh Nazman Che Ibrahim (2022) menyatakan bahawa kewujudan pelabuhan di Kelantan akan menjadi sebuah pelabuhan antarabangsa yang akan memenuhi pelbagai bentuk kegiatan dan perkhidmatan. Kewujudan Masjid Kampung Laut merupakan bukti kukuh yang jelas menyatakan bahawa kedatangan agama islam di negeri Kelantan ini. Ketika dahulu, aktiviti perdagangan melalui penggunaan jalan laut yang menjadi punca utama tersebarnya agama islam di Kampung Laut, Tumpat ini yang dinyatakan oleh Pak Su Harun (Kajian Lapangan 2022). Pelabuhan utama pada masa tersebut terletak di Jawa, Melaka, Kelantan dan Pattani juga Sumatera lalu dihubungkan dengan kerajaan Champa yang menjadi titik utama aktiviti perdagangan sebelum pedagang tiba ke destinasi utama iaitu China.


Menurut Pak Su Harun (2022) menyatakan bahawa mengikut tradisi lisan turun temurun di Kampung Laut terdapat sekumpulan pendakwah dari Arab Parsi dalam pelayaran laut mereka telah terperangkap dalam ribut buruk yang menyebabkan kerosakan pada kapal tersebut. Maka menyebabkan mereka terdampar di pesisiran pantai di Kelantan ketika itu. Semenjak 200 lebih tahun dahulu, mereka ada melakukan aktiviti pelayaran menggunakan kapal dan perahu untuk aktiviti perdagangan selain menyebarkan agama Islam. Mereka berikrar bahawa mereka mahu membina masjid di mana sahaja mereka boleh berlabuh dengan selamat. Dengan mukjizat daripada kekuasaan Allah SWT, sekumpulan binatang yang dinamakan barakuda atau ikan alu-

alu merupakan ikan yang berukuran tubuh besar sepanjang enam kaki dengan lebar satu kaki kebanyakan di kawasan lautan Ambalat atau dikenali sebagai Laut Sulawesi, Indonesia. Ikan tersebut berenang ke dalam kapal tersebut dan menyumbat kebocoran, menghalang air laut daripada kapal tenggelam ke dasar lautan. Selepas ribut itu, mereka selamat berlabuh di sepanjang tebing sungai di Kampung Laut untuk turun ke darat.

Namun, kedatangan mereka bukan semata-mata untuk membuat aktiviti perdagangan tetapi mereka telah membina masjid di Kampung Laut. Menurut Pak Su Harun (2022), Masjid Kampung Laut menjadi pusat penyebaran Islam juga berperanan sebagai tempat berkumpul masyarakat tempatan untuk melihat persembahan dan latihan rebana kercing yang dipersembahkan oleh pedagang Arab Parsi tersebut. Maka secara tidak langsung menyebabkan masyarakat tempatan dapat mengenali lebih mengenai keunikan pada persembahan Rebana Kercing ini. Menurut Pak Su Harun (2022), hiburan ini bukan semata-mata hiburan tetapi ada maksud sebaliknya iaitu mengajak anak-anak muda ke masjid untuk kenal dengan agama Islam maka mereka memeluk agama Islam kemudian menjadikan agama Islam sebagai panduan hidup mereka sepanjang hayat.

### 4.3 FUNGSI ELEMEN DALAM REPOTOIRE ENSEMBLE REBANA KERCING

#### 4.3.1 Lagu



Lirik Lagu Ya Rabbi Ya Sir yang telah disalin dan dibukukan

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Lagu adalah elemen penting dalam repotoire ensemble Rebana Kercing ini. Lagu yang ada dalam persembahan Rebana Kercing ini menggunakan bahasa Arab secara keseluruhannya. Ini kerana, persembahan ini dibawa daripada Arab-Parsi iaitu negara Timur Tengah oleh pedagang Arab yang menyebarkan agama pada ketika itu kemudian bertapak di negeri Kelantan pada ratusan tahun terdahulu. Jelas, kesemua lirik lagu dalam rebana kercing ini bersifat keagamaan khusus agama islam di mana ia bersifat tentang memuji nabi dan kebesaran Allah S.W.T serta mengisahkan perjuangan para nabi.


Menurut Pak Su Harun (Kajian Lapangan, 2022), persembahan ini dikatakan mempunyai lima puluh lapan buah lagu yang diturunkan dari generasi ke generasi secara lisan tetapi tidak berjaya direkodkan. Keadaan ini agak membimbangkan kerana saban hari lagu-lagu ini akan pupus ditelan zaman. Maka beliau mencari alternatif untuk mengelakkan lagu ini hilang kemudian anak beliau Wan Azmi (Kajian Lapangan, 2022) menyatakan bahawa beliau telah menyalin lirik lagu serta membukukan lirik lagu tersebut. Selain daripada merekod rakaman lagu tersebut menggunakan cakera padat. Sekiranya tidak ada usaha seperti menterjemah lirik lagu tersebut ke dalam Bahasa Melayu. Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa perkara ini perlu diambil berat daripada pelbagai pihak untuk menyelamatkan warisan tak ketara ini.

#### **4.3.2 Gerakan atau Tarian**

Menurut Pak Su Harun (2022) menyatakan bahawa dalam persembahan rebana kercing ini bukan dipanggil tarian tetapi lebih kepada gerakan. Kesenian pergerakan merupakan suatu bentuk persembahan melalui pergerakan tubuh seseorang secara berirama. Ini dilakukan di tempat, waktu tertentu mengikut keperluan pergaulan, menzahirkan perasaan juga membawa sesuatu erti dan pemikiran. Tidak akan jadi pergerakan tanpa diiringi dengan kekuatan daripada penyampaian lirik lagu yang memuji kebesaran nabi juga berselawat kepada yang maha Esa. Tambahan lagi diiringi bersama pemalu rebana kercing sebagai bunyi latar yang memberi tanda kepada penari juga penyanyi dalam persembahan Rebana Kercing ini.


Dalam kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2007), menyatakan bahawa pergerakan adalah kebangkitan untuk memperjuangkan sesuatu. Kebangkitan daripada kisah-kisah nabi yang memperjuangkan agama Islam di serata dunia. Menurut Jabatan Warisan Negara (2022), gerakan tari adalah berlainan daripada gerakan rutin seharian contohnya seperti berlari juga bersenam. Pergerakan dalam rebana kercing adalah merujuk kepada memberikan atau menyatakan sesuatu pergerakan anggota tubuh badan seseorang individu bersama-sama dengan emosi dan jiwa penari dalam persembahan rebana kercing ini.

#### 4.3.3 Alat Muzik



Notasi bagi paluan Rebana Kercing Ibu


Sumber: Kajian Lapangan 2022



Notasi bagi paluan Rebana Kercing anak 2

Sumber: Kajian Lapangan 2022





Notasi bagi paluan Rebana Kercing anak 1

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Alat muzik rebana ini berasal daripada perkataan “Arba’atun” dalam bahasa Arab yang bermaksud empat. Alat muzik ini mengandungi prinsip asas agama Islam iaitu kewajipan kepada Allah SWT, alam, masyarakat, serta kewajipan terhadap diri sendiri. Alat rebana kercing ini berbentuk silinder dengan permukaan bulat. Menurut Pak Su Harun (2022), rebana bermaksud gendang. Manakala kercing membawa maksud logam atau tembaga yang dihiasi di sisi keliling rebana tersebut. Maka, yang dihasilkan dari pukulan rebana kercing tersebut mengeluarkan bunyi “Cing, Cing”. Alat rebana

biasanya digunakan untuk mengiringi lagu, menentukan tempo notasi dan menanda bahagian lagu.

Agak berbeza berbanding persembahan lain seperti Mak Yong, Wayang Kulit, dalam persembahan rebana kercing hanya menggunakan satu alat muzik sahaja iaitu Rebana Kercing itu sendiri. Rebana kercing boleh mengiringi selawat tentang memuji nabi dan kebesaran Allah S.W.T sebagai alat perhubungan antara masyarakat melalui seni sebagai penyampaian makna doa kepada Allah SWT. Selain pemeliharaan budaya, alat muzik rebana kercing ini sebagai medium dakwah melalui muzik bersifat keagamaan Islam terutama sekali serta kemudahan bagi masyarakat untuk berkarya.

Menurut Pak Su Harun (2022), permukaan rebana kercing biasanya dihasilkan dengan menggunakan kulit haiwan. Kulit gendang ini juga dikenali sebagai belulang iaitu kulit haiwan yang kering. Belulang ini diikat dan diregang kemudian diikat pada bahagian bawah bingkai. Ketegangan belulang dikemaskan kemudian diselitkan pada celah-celah antara cincin dan bawah bingkai. Beliau menyatakan bahawa hasil paluan daripada kulit kambing betina menghasilkan bunyi yang berbeza berbanding dengan kambing jantan. Manakala, bahagian bingkai rebana kercing ini menggunakan batang pokok nangka adalah pilihan terbaik tetapi jika tidak ada maka boleh menggunakan kayu jenis lain seperti kayu cengal. Sekiranya menggunakan kayu jenis ini ia lebih kukuh berbanding kayu jenis lain. Maka pengkaji menyimpulkan bahawa kualiti bunyi yang dihasilkan oleh sesebuah Rebana Kercing bergantung kepada saiz, ketebalan bingkai, jenis kulit dan kayu serta cara paluan tangan.

Pada ketika dahulu, pemalu rebana kercing ini terdiri daripada remaja lelaki berusia 13 tahun ke atas. Dalam persembahan Rebana Kercing sekiranya penari mempunyai 10 orang maka jumlah pemalu rebana juga ada 10 orang. Tetapi dengan keadaan sekarang, beliau menyatakan bahawa pemalu rebana sekurang-kurangnya lima atau enam orang untuk sesebuah persembahan rebana kercing. Oleh itu, untuk melatih beliau akan membuat pada waktu senggang kerana ini adalah untuk mengajak remaja lebih dekat dengan agama Islam maka ini adalah daya tarikan rebana kercing yang tersendiri.



Pengkaji bersama rebana kercing

Sumber: Kajian Lapangan 2022

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.4 PENERIMAAN MASYARAKAT MENGENAI REPOTOIRE REBANA KERCING DI KAMPUNG LAUT, KELANTAN


##### 4.4.1 DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

###### a) Jantina Responden

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Bilangan orang	Peratus (%)
Lelaki	11	36.7
Perempuan	19	63.3
Jumlah	30	100

Sumber: Kajian Lapangan 2022



Rajah 1: Jantina Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Jadual 1 dan rajah 1 menunjukkan jantina responden. Berdasarkan hasil kajian, seramai 30 orang yang telah disoal selidik menunjukkan bilangan perempuan lebih ramai iaitu seramai 19 orang (63.3%) berbanding responden lelaki seramai 11 orang (36.7%). Pemilihan jantina responden tidak mempunyai perbezaan yang besar memandangkan


jantina yang dipilih perlulah seimbang dan untuk menjawab objektif yang telah disusun serta tidak memihak kepada satu gender sahaja.

### b) Kumpulan Umur Responden

Jadual 2: Umur Responden

Umur	Bilangan orang	Peratus (%)
20 tahun hingga 29 tahun	20	66.7
30 tahun hingga 39 tahun	5	16.1
40 tahun hingga 49 tahun	2	6.5
50 tahun dan ke atas	3	10
Jumlah	30	100

Sumber: Kajian Lapangan 2022



Rajah 2: Umur Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Jadual 2 dan rajah 2 menunjukkan taburan umur responden. Seramai 30 orang responden yang disoal selidik, menunjukkan responden paling ramai ialah antara umur 20 tahun hingga 29 tahun seramai 20 orang (66.7%) manakala responden kedua paling tinggi ialah antara umur 30 tahun hingga 39 tahun seramai 5 orang (16.7%) paling rendah ialah antara umur 40 tahun hingga 49 tahun seramai 2 orang (6.7%). Seramai 3 orang (10%) responden berumur 50 tahun hingga 59 tahun. Pemilihan umur responden adalah berbeza. Hal ini demikian kerana, umur yang berbeza dapat memberikan pandangan yang berbeza dan responden sudah matang untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan

#### **4.5 ANALISIS DAN PERBINCANGAN MENGENAI SEJARAH REBANA KERCING**


Bahagian ini membincangkan analisis data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada borang soal selidik yang telah diisi oleh 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar dan penduduk di kawasan kajian di Kampung Laut, Kelantan. Aspek yang dikaji dalam kajian ini ialah melibatkan sejarah rebana kercing.

Jadual 3: Analisis mengenai sejarah rebana kercing

<b>SEJARAH REBANA KERCING</b>		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1	Apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing?	2 (6.7 %)	3 (10% )	8 (26. 7%)	4 (13. 3%)	13 (43.3 %)
2	Adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing?	4 (13.3 %)	7 (23.3 %)	8 (26. 7%)	3 (10 %)	8 (26.7 %)
3	Adakah anda mengetahui mengenai persembahan rebana kercing?	4 (13.3 %)	4 (13.3 %)	8 (26. 7%)	9 (30 %)	5 (16.7 %)
4	Apakah rebana kercing ini berunsur islamik?	3 (10 %)	1 (3.3 %)	10 (33. 3%)	9 (30 %)	7 (23.3 %)
5	Adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik?	2 (6.7 %)	2 (6.7 %)	6 (20 %)	6 (20 %)	14 (46.7 %)

Sumber: Kajian Lapangan 2022

1. Apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing?



Rajah 3: Apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing?


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Hasil dapatan daripada persoalan bahawa apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing, mendapati bahawa seramai 13 orang (43.3%) juga 4 orang (13.3%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dan bersetuju dengan pernyataan ini. Manakala dibandingkan dengan yang tidak setuju dan sangat tidak setuju seramai 2 orang (6.7%) dan 3 orang (10%). Dapat pengkaji simpulkan bahawa mereka pernah dengar apa yang dimaksudkan dengan rebana kercing.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



2. Adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing?




Rajah 4: Adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing?

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Hasil dapatan daripada pernyataan adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing? Mendapati kecenderungan responden seramai 8 orang (26.7%) dan 3 orang (10%) menyatakan bahawa mereka sangat setuju dan setuju dengan pernyataan ini. Manakala angka yang sama dicatat pada ruangan tidak bersetuju seramai 4 orang (13.3%) dan sangat tidak bersetuju seramai 7 orang (23.3%) berbanding yang ragu mengenai pernyataan ini seramai 8 orang responden (26.7%). Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa ramai responden yang kurang yakin bahawa rebana kercing ini berasal daripada negeri Kelantan.

3. Adakah anda mengetahui mengenai persembahan rebana kercing?




Rajah 5: Adakah anda mengetahui mengenai persembahan rebana kercing?

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Bagi pernyataan ini seramai 9 orang (30%) menyatakan bahawa mereka setuju bahawa mereka mengetahui mengenai persembahan rebana kercing. Berbanding dengan seramai 4 orang (13.3%) yang menyatakan pendapat bahawa mereka kurang tahu mengenai persembahan rebana kercing. Maka, pengkaji dapat melihat bahawa mereka mengetahui mengenai persembahan rebana kercing. Dengan sokongan dan bukti daripada seramai 5 orang responden (16.7%). Menurut Encik Hazlami (2022), beliau juga ada menyatakan bahawa tidak ramai anak muda khususnya yang mengetahui dan ambil peduli mengenai persembahan rebana kercing. Ini adalah mungkin faktor luaran bahawa masyarakat kurang prihatin dan kekangan masa menghadapi rutin hidup yang berbeza-beza maka warisan tidak ketara ini diambil remeh.

#### 4. Apakah rebana kercing ini berunsur islamik?




Rajah 6: Apakah rebana kercing ini berunsur islamik?

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Dapat dilihat daripada rajah 6 tersebut bahawa seramai 7 orang (23.3%) dan 9 orang (30%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dan sangat setuju bahawa rebana kercing ini berunsur islamik. Menurut Encik Hazlami (2022), daripada lirik lagu sangat jelas bahawa selawat dan memuji kebesaran Nabi dan para sahabat juga kisah Nabi memaparkan bahawa kesenian rebana kercing memang ciri khas yang berunsur islamik. Berbanding dengan 1 orang (3.3%) yang menyatakan tidak bersetuju bahawa rebana kercing ini berunsur islamik. Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa kemungkinan besar responden ini hanya pernah dengar mengenai rebana kercing tetapi belum pernah dilihat secara fizikal.

5. Adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik?



Rajah 7: Adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik?

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Hasil kajian merujuk rajah 7 telah menunjukkan seramai 14 orang responden (46.7%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan pernyataan adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik. Manakala minoriti responden iaitu seramai 2 orang responden (6.7%) menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dan sangat tidak setuju bahawa persembahan rebana kercing ini terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik. Pada pandangan pengkaji, kemungkinan mereka belum pernah melihat secara langsung mengenai persembahan rebana kercing ini.

Hasil kajian bagi bahagian sejarah rebana kercing ini dapat dinilai sendiri daripada pengkaji bahawa masih ramai responden yang ragu-ragu dengan asal usul bermulanya rebana kercing walaupun semua responden merupakan masyarakat di Kelantan. Dapat dilihat bahawa masyarakat di Kelantan ini kurang mengambil berat dan kurang menilai warisan budaya tak ketara ini. Sekiranya masih kurang kajian mengenai rebana kercing

ini maka, ia sangat memudaratkan warisan rebana kercing ini. Maka, warisan ini perlu di angkat semula bagi memberi nafas baru terutama dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan.


#### **4.6 ANALISIS DAN PERBINCANGAN MENGENAI REBANA KERCING MEMBAWA KEPADA PERPADUAN BUDAYA WARISAN**

Jadual 4: Analisis mengenai rebana kercing membawa kepada perpaduan budaya warisan

Saya pernah mendengar mengenai rebana kercing.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	5	16.7%
Tidak Setuju	1	3.3%
Kurang Setuju	4	13.3%
Setuju	7	23.3%
Sangat Setuju	13	43.3%

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

1. Saya pernah mendengar mengenai rebana kercing.



Rajah 8: Saya pernah mendengar mengenai rebana kercing


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Hasil kajian merujuk rajah 8 menunjukkan hasil seramai 13 (43.3%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju bahawa mereka pernah mendengar mengenai rebana kercing. Manakala yang tidak bersetuju seramai 1 orang (3.3%). Secara umum dapat pengkaji simpulkan bahawa masih ramai yang tahu akan rebana kercing dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Ini adalah kerana semasa mengedarkan borang soal selidik terdapat orang Kelantan yang tidak menetap di Kelantan tetapi berkunjung di masjid Kampung Laut.

Jadual 5: Analisis mengenai rebana kercing membawa kepada perpaduan budaya warisan

Saya berminat untuk mengetahui tentang rebana kercing.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	3.3%
Kurang Setuju	6	20%
Setuju	7	23.3%
Sangat Setuju	16	53.3%

2. Saya berminat untuk mengetahui tentang rebana kercing.



Rajah 9: Saya berminat untuk mengetahui tentang rebana kercing

Sumber: Kajian Lapangan 2022


Berdasarkan jadual dan graf di atas menunjukkan bahawa seramai 16 orang (53.3%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju untuk mengetahui tentang rebana kercing. Juga disokong dengan seramai 7 orang (23.3%) yang menyatakan bahawa mereka bersetuju mengenai pernyataan ini. Berbanding dengan ruangan tidak setuju seramai 1 orang (3.3%). Manakala tidak ada seorang responden yang menyatakan bahawa mereka sangat tidak bersetuju bagi pernyataan ini. Maka dapat pengkaji simpulkan bahawa masih ramai dalam kalangan masyarakat mahu mengetahui tentang rebana kercing jadi pihak tertentu perlu menyebar luas lagi mengenai rebana kercing ini.



Jadual 6: Analisis mengenai rebana kercing membawa kepada perpaduan budaya warisan

Saya berminat untuk belajar mengenai alat muzik/tarian/lagu rebana kercing	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	2	6.7%
Kurang Setuju	6	20%
Setuju	8	26.7%
Sangat Setuju	14	46.7%

3. Saya berminat untuk belajar mengenai alat muzik/tarian/lagu rebana kercing.



Rajah 10: Saya berminat untuk belajar mengenai alat muzik/tarian/lagu rebana kercing


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Merujuk jadual dan graf tersebut, dapat dilihat bahawa majoriti seramai 14 orang (46.7%) menyatakan minat mereka untuk belajar mengenai elemen dalam rebana kercing berbanding dengan ruangan kurang setuju juga tidak setuju iaitu mencatat seramai 6 orang (20%) dan 2 orang (6.7%) manakala tidak ada responden di ruangan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Maka pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat masih berminat untuk belajar elemen-elemen yang terdapat dalam rebana kercing ini.

Jadual 7: Analisis mengenai rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia  
saling memahami budaya masing-masing

Rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	3	10%
Kurang Setuju	3	10%
Setuju	10	33.3%
Sangat Setuju	14	46.7%

4. Rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing.



Rajah 11: Rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Jadual 7 dan rajah 11 menunjukkan bahawa minoriti seramai 3 orang (10%) menyatakan bahawa mereka kurang bersetuju dan tidak bersetuju bagi pernyataan rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing. Berbanding majoriti seramai 14 orang (46.7%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju melalui persembahan rebana kercing ini akan menjadikan etnik di Malaysia akan saling memahami budaya masing-masing. Menurut Pak Su Harun (2022), menyuarakan pendapat memang benar bahawa rebana kercing menyatu padukan bangsa dan tidak ada unsur perkauman.

Jadual 8: Analisis mengenai rebana kercing dapat mengeratkan hubungan  
antara satu sama lain

Rebana kercing dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	3	10%
Kurang Setuju	1	3.3%
Setuju	9	30%
Sangat Setuju	17	56.7%

5. Rebana kercing dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain.



Rajah 12: Rebana kercing dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Jadual 8 dan rajah 12 menunjukkan bahawa majoriti seramai 17 orang (56.7%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala minoriti menyatakan tidak setuju dan kurang setuju iaitu seramai 3 orang (10%) dan 1 orang (3.3%). Jelas bahawa rebana kercing ini dipersetujui oleh majoriti masyarakat bahawa persembahan ini dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Pengkaji juga telah bersama-sama melaksanakan kajian ini bersetuju bahawa melalui rebana kercing ini dengan elemen pergerakan, penyanyi yang menyanyi lagu dalam rebana kercing juga pemalu rebana kercing akan saling bekerjasama mendapatkan momentum dan tempo yang sama antara mereka. Bukan mudah untuk mendapatkan keselarasan antara tiga-tiga elemen ini.

Jadual 9: Analisis mengenai bahawa rebana kercing ini ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan

Rebana Kercing ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	1	3.3%
Tidak Setuju	0	0%
Kurang Setuju	6	20%
Setuju	10	33.3%
Sangat Setuju	13	43.3%

6. Saya berasa bahawa Rebana Kercing ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan.



Rajah 13: Rebana kercing ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan

Sumber: Kajian Lapangan 2022


Berdasarkan jadual 9 dan rajah 13 menunjukkan seramai 13 orang (43.3%) dan seramai 10 orang (33.3%) menyatakan mereka sangat bersetuju dan bersetuju mengenai pernyataan ini. Berbanding 1 orang (3.3%) yang menyatakan bahawa mereka sangat tidak setuju mengenai pernyataan ini. Pengkaji dapat simpulkan bahawa masih terdapat beberapa orang yang tidak memilih topik rebana kercing sebagai topik perbualan mereka tetapi pengkaji sebagai pelajar dalam bidang warisan menyatakan bahawa rebana kercing akan berada dalam warisan terancam kerana kekurangan pelapis dalam bidang ini. Maka isu ini perlu dibangkitkan daripada secara lisan selain aktiviti fizikal yang dijalankan bersama persatuan rebana kercing di Kampung Laut sendiri.



Jadual 10: Analisis mengenai apabila seseorang menyukai rebana kercing,  
maka seseorang itu ingin belajar dengan lebih lagi

Apabila saya menyukai seni Rebana Kercing, saya ingin belajar dengan lebih lagi.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	3.3%
Kurang Setuju	6	20%
Setuju	10	33.3%
Sangat Setuju	13	43.3%

7. Apabila saya menyukai seni Rebana Kercing, saya ingin belajar dengan lebih lagi.



Rajah 14: Apabila saya menyukai seni Rebana Kercing, saya ingin belajar dengan lebih lagi.


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Jadual 10 dan rajah 14, majoriti dalam kalangan responden menyatakan sangat setuju dan setuju mengenai pernyataan ini iaitu seramai 13 orang (43.3%) dan 10 orang (33.3%) berbanding dengan ruangan tidak setuju seramai 1 orang (3.3%) dan tidak ada responden yang menyatakan sangat tidak setuju. Maka, hasil dapatan ini pengkaji dapat lihat bahawa persembahan ini dapat diselamatkan sekiranya yang menyatakan sangat setuju akan belajar mengenai rebana kercing yang hanya terdapat di Kampung Laut, Tumpat ini. Maka daripada belajar akan menyemai rasa cinta akan seni warisan ini. Menurut Pak Su Harun (2022), terdapat persatuan rebana kercing di Kampung Laut aktif mengadakan latihan di bengkel mereka tetapi mereka kekurangan pelapis daripada kalangan anak kecil berumur lingkungan 10 tahun ke 15 tahun.

Jadual 11: Analisis mengenai lirik yang islamik membawa ketenangan apabila  
Rebana Kercing dipersembahkan

Lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	1	3.3%
Kurang Setuju	6	20%
Setuju	7	23.3%
Sangat Setuju	16	53.3%

8. Lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan.



Rajah 15: Lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Merujuk jadual 11 dan rajah 15, seramai 16 orang (53.3%) adalah majoriti dalam pernyataan ini sangat bersetuju mengenai perkara ini. Manakala seramai 6 orang (20%) dan 1 orang (3.3%) menyatakan mereka kurang bersetuju dan tidak bersetuju mengenai lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan. Maka jelas bahawa lirik yang disampaikan dalam rebana kercing adalah memberi ketenangan kerana apabila memuji kebesaran Allah juga kisah-kisah nabi tersebut akan menjadi panduan dalam hidup masyarakat melayu terutama selain akidah dan pegangan orang melayu yang berlandaskan agama islam.

Jadual 12: Analisis mengenai tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu

Tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	1	3.3%
Tidak Setuju	1	3.3%
Kurang Setuju	8	26.7%
Setuju	7	23.3%
Sangat Setuju	13	43.3%

9. Tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu.



Rajah 16: Tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu


Sumber: Kajian Lapangan 2022

Merujuk kepada jadual juga carta di atas, majoriti seramai 13 orang (43.3%) menyatakan mereka sangat bersetuju bahawa tarian atau pergerakan yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa tersebut. Manakala terdapat 8 orang (26.7%) bahawa mereka kurang setuju mengenai pernyataan ini. Dapat dilihat bahawa masih ramai responden yang menyatakan mereka setuju iaitu seramai 7 orang (23.3%) dibandingkan dengan yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan pernyataan ini iaitu seramai 1 orang (3.3%). Menurut Pak Su Harun (2022), menyatakan pendapat bahawa pergerakan yang lembut membawa makna kita sebagai bangsa melayu dan umat Islam akan bersatu seiring dengan pergerakan, alat muzik juga lagu.

Jadual 13: Analisis mengenai persembahan tarian rebana kercing ini  
memerlukan 7 hingga 12 orang

Saya melihat bahawa persembahan tarian ini memerlukan 7 hingga 12 orang.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	1	3.3%
Tidak Setuju	3	10%
Kurang Setuju	9	30%
Setuju	10	33.3%
Sangat Setuju	7	23.3%

10. Saya melihat bahawa persembahan tarian ini memerlukan 7 hingga 12 orang.



Rajah 17: Saya melihat bahawa persembahan tarian ini memerlukan 7 hingga 12 orang

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Berdasarkan jadual 13 dan rajah 17, hasil dapatan ialah seramai 10 orang (33.3%) menyatakana setuju dan seramai 7 orang (23.3%) menyatakan sangat setuju. Berbanding dengan yang menyatakan tidak setuju iaitu seramai 3 orang (10%) dan seramai 1 orang (3.3%) yang sangat tidak setuju dengan pernyataan ini. Daripada temubual antara pengkaji bersama Pak Su Harun (2022), beliau menceritakan bahawa pada zaman dahulu sekiranya penari bagi persembahan rebana kercing seramai 8 orang maka pemalu rebana kercing akan seramai 8 orang juga. Tambahan lagi, penari adalah daripada golongan lelaki sahaja dengan memakai kostum bagi persembahan rebana kercing.




Jadual 14: Analisis mengenai masyarakat menerima dan suka persembahan

## Rebana Kercing

Saya terima dan suka persembahan Rebana Kercing.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	0	0%
Kurang Setuju	5	16.7%
Setuju	8	26.7%
Sangat Setuju	17	56.7%

11. Saya terima dan suka persembahan Rebana Kercing.



Rajah 18: Saya terima dan suka persembahan Rebana Kercing

Sumber: Kajian Lapangan 2022


Merujuk jadual 14 dan rajah 18, majoriti responden seramai 17 orang (56.7%) menyatakan pendapat mereka yang sangat bersetuju bahawa mereka menerima dan suka akan persembahan rebana kercing. Berbanding dengan hasil dapatan yang menyatakan bahawa mereka kurang setuju seramai 5 orang (16.7%). Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa masyarakat masih menitik beratkan warisan kesenian ini untuk tidak pupus begitu sahaja.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Jadual 15: Analisis mengenai masyarakat makan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang

Saya akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang.	Bilangan Orang	Peratus (%)
Sangat Tidak setuju	0	0%
Tidak Setuju	0	0%
Kurang Setuju	5	16.7%
Setuju	7	23.3%
Sangat Setuju	18	60%

12. Saya akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang.



Rajah 19: Saya akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Daripada jadual 15 dan rajah 19, mencatatkan seramai 18 orang (60%) yang menyatakan sangat setuju bahawa mereka akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang. Berbanding dengan yang kurang setuju dengan pernyataan ini seramai 5 orang (16.7%). Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa kajian ini sangat diperlukan dan perlu dikongsi kepada ramai orang supaya seni warisan persembahan rebana kercing ini akan dikenali di pelbagai peringkat lapisan umur. Menurut Pak Su Harun (2022), beliau memberi pendapat bahawa pelapis bagi kesenian rebana kercing ini sangat diperlukan selain anaknya yang bernama Encik Hazlami yang bergiat aktif dalam bidang kesenian ketika ini juga persatuan Rebana Kercing di Kampung Laut.

## BAB 5 RUMUSAN

### 5.1 PERBINCANGAN

Analisis kajian yang dibuat hasil daripada dapatan maklumat yang diperolehi melalui kaedah pemerhatian, kaedah temu bual juga kaedah borang soal selidik dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan permasalahan serta objektif kajian ini. Pengkaji memperolehi dapatan kajian melalui analisis data mengenai sejarah dan fungsi ensemble repotoire Rebana Kercing serta penerimaan masyarakat di Kampung Laut, Tumpat Kelantan ini. Hasil daripada analisis kajian ini terbukti bahawa repotoire Rebana Kercing ini merupakan hasil daripada turun temurun. Buktinya, lagu-lagu yang ada dalam repotoire ensemble Rebana kercing ini di beri dari guru yang mengajar. Pengkaji mendapatkan maklumat terus daripada Pak Su Harun yang telah menyaksikan ensemble Rebana Kercing ini dipersembahkan.

### 5.2 BATASAN KAJIAN

Terdapat beberapa batasan kajian yang telah dikenal pasti semasa pengkaji melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data. Antara batasan kajian yang dihadapi adalah jumlah penggiat ataupun individu yang diperlukan untuk tujuan mendapatkan sebarang maklumat dan data kurang mencukupi. Hal ini demikian kerana, golongan penggiat seni warisan tak ketara ini atau individu yang terlibat dalam repotoire ensemble Rebana Kercing ini majoriti dalam kalangan warga emas yang sudah berumur 50 tahun ke atas.

### 5.3 CADANGAN

Rebana Kercing adalah warisan peninggalan nenek moyang yang sudah 200 tahun lebih bertapak di Kampung Laut, Tumpat lagi. Warisan tak ketara ini agak sukar untuk dipertahankan sekiranya dibandingkan dengan budaya yang ada daripada pelbagai bentuk fahaman dan gaya hidup pada masa kini. Dengan itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan dalam usaha mengekalkan repotoire ensemble Rebana Kercing khususnya dalam masyarakat di Kampung Laut, Tumpat.

#### 5.3.1 Program Perkongsian Ilmu

Program perkongsian ilmu perlu dilakukan bagi memberi pendedahan kepada masyarakat lain tentang kewujudan repotoire ensemble Rebana Kercing serta kepentingannya terhadap kesenian warisan ini. Program ini boleh dilakukan oleh Persatuan Kumpulan Budaya Rebana Kercing Kampung Laut bersama agensi pelancongan atau kebudayaan yang ada di Kelantan juga seluruh negara bagi mempromosikan repotoire ensemble Rebana Kercing dengan mengutamakan elemen-elemen yang ada dalam Rebana Kercing iaitu nyanyian, tarian juga alat muzik. Penglibatan daripada generasi muda juga amat digalakkan bagi memberi kesedaran kepada mereka, terutama sekali pada peringkat usia muda kerana seperti peribahasa tradisional melayu ‘melentur buluh biarlah dari rebungunya’ yang bermaksud mendidik anak biarlah ketika kecil kerana lebih mudah untuk dibentuk.

### 5.3.2 Pendokumentasian

Pendokumentasian juga amat diperlukan dalam mengekalkan repotoire ensemble Rebana Kercing yang diwarisi secara lisan kerana sehingga kini hanya menjumpai 26 lagu sahaja daripada 50 lagu. Tetapi oleh kerana hanya mendapat informasi dari mulut ke mulut menyebabkan repotoire ensemble Rebana Kercing ini diancam kepupusan. bukti penulisan khusus yang menceritakan secara spesifik tentang asal-usul, sejarah mengenai repotoire ensemble Rebana Kercing. Namun begitu, beberapa pihak seperti Universiti Malaysia Kelantan dan Kedutaan Amerika Syarikat di bawah projek penyelidikan US Ambassador's Fund for Cultural Preservation (AFCP) menaja dana lebih RM 200,000 bagi memulihara warisan Rebana Kercing ini khusus di Kampung Laut, Tumpat. Usaha proaktif dalam pembukuan, pendokumentasian melalui rakaman video yang kemudiannya didokumentarikan sebagai rujukan kepada masyarakat.

### 5.3.3 Cadangan untuk Kajian Lanjutan

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa masih ramai dalam kalangan masyarakat Kampung Laut yang masih mengamalkan kesenian warisan ini terutama sekali golongan umur 50-an ke atas. Mereka merupakan golongan yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan luas tentang repotoire ensemble Rebana Kercing ini. Maka dengan itu, pengkaji berharap agar golongan ini dimanfaatkan sebaiknya kepada mana-mana pihak yang mahu melaksanakan kajian mengenai repotoire Rebana Kercing. Masalah yang timbul adalah agak kurang generasi muda mahu belajar mengenai warisan tidak ketara ini. Maka

dengan membuat dokumentasi mungkin lebih banyak sambutan daripada masyarakat luar.

Bagi memastikan pengkaji mampu mendapatkan maklumat dengan kadar segera, pengkaji perlulah membuat perancangan sebelum menjalankan sesebuah kajian. Selain itu, pengkaji perlu bersikap teliti dan cekap dalam menyelesaikan apa jua keadaan yang berlaku. Contohnya, perancangan seperti membuat soalan terdahulu berdasarkan objektif pengkaji sebelum bertanya kepada informan. Dapatkan maklumat informan dan menemu bual mereka di tempat yang sesuai. Perancangan ini perlu dibuat supaya sejajar dengan apa yang telah dirancang oleh pengkaji.

Di samping itu, pengkaji perlu bersikap tanggungjawab dalam menjalankan kajian. Sebelum menjalankan kajian lapangan, pengkaji perlu mencari maklumat atau data yang diperlukan sebanyak mungkin dan memahaminya terlebih dahulu mengenai tajuk yang pengkaji kaji ini, di samping membuat persediaan awal agar perjalanan kajian lapangan lancar.

Disebabkan oleh kajian yang dibuat oleh pengkaji hanya memfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu sejarah, fungsi elemen dan penerimaan masyarakat maka, pengkaji menyarankan agar kajian yang seterusnya dilaksanakan berdasarkan fokus lain. Sebagai contoh, kajian mengenai pemakaian kostum dalam ensemble Rebana Kerching atau pembuatan alatan muzik dalam repotoire Rebana Kerching.



#### 5.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini adalah ruangan perbincangan mengenai keseluruhan bagi kajian repotoire ensemble Rebana Kercing ini. Pengkaji mendapati bahawa kajian ini adalah pengenalan asas kepada Rebana Kercing dan perlulah dikaji dengan lebih terperinci lagi. Dalam bab ini juga pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan bagi mengekalkan warisan budaya tak ketara Rebana Kercing ini dalam kalangan masyarakat di Kampung Laut, Tumpat. Melalui kajian ini juga pengkaji dapat membuka mata masyarakat tentang kepentingan terutama dalam bidang seni persembahan Rebana Kercing. Ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pelbagai lapisan umur serta lapisan masyarakat mengenai repotoire ensemble Rebana Kercing.

**RUJUKAN****BUKU**

1. Patricia Matusky, Tan Sooi Beng (2017). *The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions*. Routledge Taylor & Francis Group London And New York.
2. Zinitulniza Abdul Kadir (2018). *Tarian Dabus, Rebana & Busana Puteri Perak*.

**JURNAL**

1. Yusof, A., & Bidin, A. (2008). PERKEMBANGAN SENI MUZIK DALAM PERADABAN ISLAM DI NUSANTARA. *Journal of Al-Tamaddun*, 3(1), 48–67. Diperoleh daripada <https://juku.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/7844>
2. Shuaib, A. (2013.). *The Kelantan Traditional Arts as Indicators for Sustainability: An Introduction to its Genius Loci*. Diperoleh daripada <http://umkeprints.umk.edu.my/1446/1/The%20Kelantan%20Tradisional%20Arts%20-%20Genius%20Loci.pdf>
3. Matusky, P., & Beng, T.S. (2017). *The Music of Malaysia: The Classical, Folk and Syncretic Traditions* (2nd ed.). Routledge. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.4324/9781315223025>
4. Fadzil, M. R., Badrul, R. Abu, Roslina A. L., Universiti Kebangsaan Malaysia (2016). *PEMULIHARAAN WARISAN TERPINGGIR: MENANGGAP PERANAN MEDIUM SINEMA*. Diperoleh daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/84306977.pdf>

5. Haris Khalif Muammar. A. (2012). Islam, P., Tradisi, T., Kemodenan, 1, 23–48.  
Diperoleh daripada  
<http://journalarticle.ukm.my/5329/1/makalah-v4n1-n2.pdf>
6. Sulong, M. A., Saidon, Z. L., & Hashim, N. S. N. (2013). Muzik Tradisi Tari Rakyat Perak: Suatu Pendekatan Etnomuzikologi. *Malaysian Journal of Music*, 2(1), 72-105. Diperolehi daripada  
<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/MJM/article/view/647>
7. Farrah Wahida Mustafar. (2022). *PENYEBARAN ISLAM DALAM KETAMADUNAN MELAYU: SATU TINJAUAN AWAL KE ATAS MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN*. ResearchGate.  
Diperolehi daripada  
[https://www.researchgate.net/publication/358446075\\_PENYEBARAN\\_ISLAM\\_DALAM\\_KETAMADUNAN\\_MELAYU\\_SATU\\_TINJAUAN\\_AWAL\\_KE\\_ATAS\\_MASYARAKAT\\_MELAYU\\_DI\\_KELANTAN](https://www.researchgate.net/publication/358446075_PENYEBARAN_ISLAM_DALAM_KETAMADUNAN_MELAYU_SATU_TINJAUAN_AWAL_KE_ATAS_MASYARAKAT_MELAYU_DI_KELANTAN)

## INTERNET

1. *Home | UNESCO*. (2021). Unesco.org.  
Diperolehi daripada  
<https://www.unesco.org/en>
2. *Masjid Kampung Laut*. (2023). Masjidkampunglaut.my.  
Diperolehi daripada  
<https://www.masjidkampunglaut.my/history.html>

**LAMPIRAN A**

## Soalan Temu Bual

1. Nama sebenar :
2. Umur :
3. Tarikh lahir :
4. Tempat lahir :
5. Status sekarang :
6. Tempat menuntut ilmu :
7. Dari mana bermula minat nak belajar rebana kercing :
8. Siapakah nama pengajar rebana kercing :
9. Maksud rebana kercing :
10. Bilakah rebana kercing ini bertapak di Kampung Laut :
11. Sejarah bermulanya rebana kercing :
12. Berapa banyak lagu yang ada dalam persembahan rebana kercing :
13. Instrumen apa yang diperlukan dalam rebana kercing ini :
14. Kenapa perlu ada elemen tarian, nyanyian juga permainan alat muzik dalam rebana kercing :
15. Kalau tak cukup elemen tersebut, maka adakah ia akan membawa masalah :
16. Apakah sukar untuk mempelajari rebana kercing ini :
17. Kenapa rebana kercing tidak begitu popular di negeri lain berbanding negeri Kelantan sendiri :
18. Kenapa elemen tarian diperlukan dalam persembahan rebana kercing ini :
19. Kenapa memerlukan seramai 7 hingga 12 orang penari :
20. Kenapa hanya memerlukan penari daripada golongan kanak-kanak :

21. Tarian ini menggambarkan apa sebenarnya :
22. Siapakah yang akan memainkan alat muzik :
23. Lirik lagu ini membawa maksud yang bagaimana :
24. Kenapa alat muzik rebana kercing ini berbeza :
25. Apakah alat muzik rebana kercing ini tidak sama dengan kompang :
26. Apakah mungkin ada notasi tertentu seperti alat muzik sekarang seperti notasi  
Do, Re, Mi, Fa, So, La
27. Alat muzik ini diperbuat daripada apa :
28. Kenapa kalau bahan ini sukar didapati maka adakah ia tidak boleh di inovasikan  
dengan menggunakan bahan lain yang ada di Malaysia :
29. Apakah faktor yang menyebabkan asal usul rebana kercing ini di Kelantan :
30. Apakah cabaran yang encik hadapi sepanjang menceburi dalam bidang ini :
31. Apakah pengalaman yang encik dapat dalam bidang warisan rebana kercing ini  
:
32. Apakah pencapaian encik dalam bidang rebana kercing ini :
33. Apakah harapan encik dengan rebana kercing :

**LAMPIRAN B****BORANG SOAL SELIDIK  
PROJEK PENYELIDIKAN 2  
KOD KURSUS CFT4134****BAHAGIAN A : DATA DEMOGRAFI RESPONDEN**

Arahan: Tandakan (√) pada ruangan yang disediakan

**BAHAGIAN A : DATA DEMOGRAFI RESPONDEN**

Arahan: Tandakan (√) pada ruangan jawapan yang dipilih

**1) JANTINA RESPONDEN**

Lelaki

Perempuan

**2) KUMPULAN UMUR RESPONDEN**

20 tahun hingga 29 tahun

30 tahun hingga 39 tahun

40 tahun hingga 49 tahun

50 tahun hingga 59 tahun

**BAHAGIAN B : MENGAJI PENERIMAAN MASYARAKAT MENGENAI  
REPOTOIRE PERSEMBAHAN REBANA KERCING DI KAMPUNG LAUT,  
KELANTAN.**

**Arahan :** Tandakan (√) pada ruangan jawapan yang dipilih.

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju

**SOALAN 1 : SEJARAH REBANA KERCING**

BIL.	SEJARAH REBANA KERCING	1	2	3	4	5
1	Apakah anda pernah dengar mengenai rebana kercing?					
2	Adakah anda tahu tempat asal bermula rebana kercing?					
3	Adakah anda mengetahui mengenai persembahan rebana kercing?					
4	Apakah rebana kercing ini berunsur islamik?					
5	Adakah persembahan rebana kercing terdiri daripada tarian, lagu dan alat muzik?					

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**SOALAN 2 : REBANA KERCING MEMBAWA KEPADA PERPADUAN BUDAYA WARISAN**

<b>BIL.</b>	<b>PENERIMAAN MASYARAKAT</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1	Saya pernah mendengar mengenai rebana kercing.					
2	Saya berminat untuk mengetahui tentang rebana kercing.					
3	Saya berminat untuk belajar mengenai alat muzik/tarian/lagu rebana kercing.					
4	Rebana kercing menjadikan etnik di Malaysia saling memahami budaya masing-masing.					
5	Rebana kercing dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain.					
6.	Saya berasa bahawa Rebana Kercing ialah topik yang sesuai untuk dijadikan isu topik perbualan.					
7.	Apabila saya menyukai seni Rebana Kercing, saya ingin belajar dengan lebih lagi.					
8.	Lirik yang islamik membawa ketenangan apabila Rebana Kercing dipersembahkan.					
9.	Tarian yang lembut adalah perumpamaan kegiatan aktiviti manusia pada masa itu.					
10.	Saya melihat bahawa persembahan tarian memerlukan 7 hingga 12 orang.					
11.	Saya terima dan suka persembahan Rebana Kercing.					
12.	Saya akan berkongsi mengenai seni warisan persembahan Rebana Kercing ini kepada ramai orang.					



LAMPIRAN C



Pengkaji bersama tokoh Rebana Kercing, Pak Su Harun

Sumber : Kajian Lapangan 2022



Pengkaji di Laman Warisan Seni Kampung Laut

Sumber : Kajian Lapangan 2022



Peserta berlatih memainkan Rebana Kercing bersama tenaga pengajar

Sumber : Kajian Lapangan 2022



Peserta Rebana Kercing melakukan persembahan di hadapan Pak Su Harun

Sumber : Kajian Lapangan 2022



Bengkel Rebana Kercing bersama peserta di Umk Bachok

Sumber : Kajian Lapangan 2022



Rebana Kercing dan Pak Su Harun

Sumber : Kajian Lapangan 2022